

# Ubah persepsi serong DEB

UM - 17/6/2007

**KUALA LUMPUR** 16 Jun - Seorang penyelidik meminta ahli akademik di negara ini membuat kajian bagi mengubah persepsi serong orang ramai terhadap Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang merupakan cetus idea perdana menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak.

Dr. Rais Saniman, penyelidik di Institut Chr.Michelsen Bergen Norway berkata persepsi serong orang ramai tentang pelaksanaan DEB menyebabkan ia menjadi dasar ekonomi yang agak kontroversi sehingga hari ini.

“Kita ada ramai intelektual daripada banyak universiti yang boleh membuat kajian ini bagi mengikis persepsi negatif itu.

“Sebenarnya DEB mempunyai tujuh elemen utama tetapi tidak didedahkan dan orang ramai hanya tahu dua sahaja iaitu untuk menyusun semula masyarakat dengan membasmi kemiskinan dan untuk menjaga kepentingan orang Melayu sahaja,” katanya kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk “Pembentukan dan Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada Legasi Tun Abdul Razak” pada persidangan Le-

Sebenarnya DEB mempunyai tujuh elemen utama tetapi tidak didedahkan dan orang ramai hanya tahu dua sahaja iaitu untuk menyusun semula masyarakat dengan membasmi kemiskinan dan untuk menjaga kepentingan orang Melayu sahaja

— Dr. Rais Saniman

gasi Tun Abdul Razak di sini hari ini.

Beliau yang merupakan salah seorang pakar ekonomi yang terlibat dalam penggubalan DEB berkata persepsi orang lain terhadap DEB hanya menjurus kepada polisi diskriminasi terhadap orang bukan Melayu.

Katanya, DEB mempunyai tujuh elemen berbanding lima elemen dalam pembuatan polisi ekonomi moden sekarang.


Beliau berkata, ketujuh-tujuh elemen itu ialah pertumbuhan ekonomi maksimum; penstrukturan ekonomi bagi mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi dalam pendapatan, kekayaan dan guna tenaga; mengurang-

kan kemiskinan tanpa mengira kaum; guna tenaga penuh dalam sektor buruh; kerajaan yang proaktif; memantau pelaksanaan DEB dan mewujudkan polisi sosial bagi mengelakkan konflik.

Dr. Rais berkata DEB berjaya mencapai dua objektif utama iaitu pertumbuhan ekonomi yang maksimum dan mengurangkan jurang ekonomi antara kaum.

Katanya, DEB membuktikan bahawa Tun Abdul Razak mempunyai pemikiran 40 tahun ke hadapan dan polisi itu relevan terhadap perkembangan ekonomi pada masa sekarang dan seterusnya sehingga ke 2020.

— Bernama



DR. RAIS SANIMAN